PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA



THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Nenek rugi RM255,000 masuk jerat Phone Language: Malay

Scam

Publication/Portal: Berita Harian Section: Nasional

Date: 25 February 2020 Page: 19

Nenek rugi RM255,000 masuk jerat Phone Scam

Kepala Batas: Seorang warga emas kerugian RM255,000 ditipu sindiket Phone Scam yang mendakwanya terbabit kes pengubahan wang haram, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata suri rumah berusia 76 tahun itu memberitahu dia menerima panggilan telefon daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis daripada Kontinjen Polis Kuala Lumpur dan mendakwanya terbabit pengubahan wang haram.

"Warga emas itu menafikannya sebelum panggilan disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai pegawai polis di Bukit Aman yang kemudian meminta mangsa memindahkan semua wang dalam akaun miliknya bagi tujuan siasatan.

"Suspek turut mengugut suri rumah itu jika gagal memindahkan wang dalam akaunnya, ia akan dibekukan dan wanita itu akan ditangkap untuk pendakwaan kes pengubahan wang haram," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Katanya, kerana ketakutan mangsa membuat 11 transaksi wang RM255,000 ke sembilan akaun diberikan lelaki berkenaan dari 13 hingga 21 Februari lalu.

Noorzainy berkata, mangsa tidak memberitahu perkara itu kepada se-

Mangsa hanya menyedari ditipu selepas pihak bank curiga dengan transaksi dalam jumlah yang besar ke beberapa akaun

Noorzainy Mohd Noor, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara siapa, termasuk ahli keluarganya kerana diberi amaran agar tidak berbuat demikian atas alasan mengganggu siasatan polis.

Katanya, mangsa hanya menyedari ditipu selepas pihak bank curiga dengan transaksi dalam jumlah yang besar ke beberapa akaun dan selepas disoal, pegawai bank mendapati wanita itu ditipu sindiket Phone Scam.

"Mangsa tidak percaya dia ditipu dan menghubungi lelaki yang mengaku sebagai pegawai polis itu untuk mendapatkan penjelasan, namun dia gagal menghubunginya sebelum membuat laporan polis semalam," katanya kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Noorzainy berkata, siasatan masih dijalankan, termasuk mengesan suspek dan pemilik akaun yang digunakan sindiket itu untuk mangsa memindahkan wang ke dalam akaun mereka.